

# Empat pengarah syarikat ditahan

Sindiket beroperasi sejak tiga tahun kaut untung RM21.6j

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
ilahhafiz.abdaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Empat pengarah syarikat yang dilantik menjadi pembekal minyak masak bersubsidi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai menyeleweng dan mengakibatkan kerugian ratusan juta ringgit kepada kerajaan.

Empat individu berusia antara 30 hingga 41 tahun itu ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya lewat petang kelmarin.

BH difahamkan, sindiket ini beroperasi sejak tiga tahun lalu dan mengaut keuntungan atas baya-

ran subsidi RM21.6 juta.

Sindiket ini turut dikatakan mengawal sembilan syarikat sejak beroperasi.

Difahamkan minyak masak bersubsidi itu tidak dibungkus seperti yang ditetapkan oleh kerajaan sebaliknya dikumpul dan dieksport ke luar negara.

Hasilnya mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjual bahan bersubsidi itu ke luar negara malah syarikat ini turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembekalan minyak masak.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BH semalam, mengesahkan mengenai penahanan dan operasi berkenaan.

Katanya, operasi khas dinamakan Ops RBD diwujudkan untuk memburu mereka yang bertanggungjawab dalam ketirisan subsidi yang dibekalkan kerajaan.

“Empat pengarah syarikat yang ditahan itu adalah berhubung kuota pembekalan minyak subsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Isu berhubung penyelewengan minyak masak bersubsidi ini adalah isu ketirisan yang mengakibatkan kerajaan kerugian ratusan juta ringgit.

“Dalam kes ini, berdasarkan perkiraan kasar SPRM, sindiket ini sudah mengaut keuntungan atas bayaran subsidi sebanyak RM21.6 juta sejak beroperasi selama tiga tahun malah turut menguasai sembilan syarikat,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

BH difahamkan, berdasarkan semakan dengan KPDNHEP, sindiket itu diberikan kuota pembekalan minyak masak sebanyak 1,000 tan sebulan dan sepatutnya, mereka perlu memproses dan membungkus semula minyak masak yang diberikan kepada bung-



Dua pengarah syarikat antara empat yang ditahan SPRM direman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)

kusan sekilogram dan dibekalkan untuk kegunaan peruncit dan orang ramai khususnya masyarakat luar bandar.

“Minyak masak bersubsidi ini tidak dibungkus seperti sepatutnya sebaliknya dikumpul dan di-

eksport keluar negara.

“Mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjualnya ke luar negara malah turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan,” kata Ahmad Khusairi.